

<b>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS SEMUA RISIKO PERALATAN PEJABAT</b> (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <b>Insurans Semua Risiko Peralatan Pejabat</b> . Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).	Rujukan kami	: V0324
	Nama Penawar	: <b>Liberty General Insurance Berhad</b>
	Khidmat kewangan	: <b>Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad</b>
	Nama Produk	: <b>Insurans Semua Risiko Peralatan Pejabat</b>
	Tarikh	: <b>Mac 2024</b>

### **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?**

**Insurans Semua Risiko Peralatan Pejabat** ialah pelan insurans yang memberi perlindungan kepada orang yang diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan pada peralatan pejabat, dan mesin perniagaan akibat daripada kemalangan, kebakaran, kecurian atau malapetaka lain melainkan dikecualikan di dalam polisi.

#### **2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?**

Polisi ini memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada peralatan pejabat, aksesori dan alat gantinya yang disertai dengan:

- Perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan.
- Kebakaran, letupan luaran, pencucuhan sendiri atau kilat.
- Kecurian
- Perlindungan ke atas mogok, rusuhan dan rusuhan awam boleh diberikan dengan pembayaran premium tambahan.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### **3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?**

Jumlah minimum premium tahunan ialah RM75.00, bergantung kepada butiran yang diinsuranskan.

#### **4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
<b>Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat</b>	25%
<b>Duti Setem</b>	RM10.00
<b>Cukai Perkhidmatan</b>	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

#### **5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?**

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- Anda perlu memberi notis secara bertulis dengan segera, dan menyatakan sebab dan tahap kerugian atau kerosakan.
- Anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk menjaga keselamatan peralatan yang diinsuranskan.
- Sekiranya berlaku tuntutan, anda perlu mengambil langkah-langkah segera bagi meminimumkan kerosakan dan mendapatkan semula barangan yang hilang.
- Jika terdapat perlindungan insurans lain yang melindungi harta yang sama, Syarikat kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih dari perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**  
**Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
 Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

**Tel: +603 2268 3333 Laman Sesawang: [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)**  
 (No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

**6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?**

Kami tidak akan bertanggungjawab bagi kerugian atau kerosakan disebabkan atau yang berlaku melalui:

- a) Serangga perosak kulapuk kehausan dan kelusuhan, susut nilai, kemerosotan atau apa-apa proses pembaikan, pembaikpulihan dan pengubahsuaian
- b) Rusuhan, kekacauan awam, letupan gunung berapi, kebakaran bawah tanah, gempa bumi atau konvulsi alam semula jadi yang lain.
- c) Penyitaan, penahanan, pemilikan negara, tuntutan atau kemusnahan secara paksa oleh mana-mana kerajaan, pihak perbandaran, pihak berkuasa tempatan atau pihak kastam.
- d) Kerosakan mekanikal atau elektrik atau calar atau retakan kanta atau kaca kecuali disertai oleh kerosakan lain di mana anda berhak untuk mendapat ganti rugi bagi polisi tersebut.

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

**8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyurat saya?**

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

**9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my) atau rujuk kepada pejabat cawangan kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Liberty General Insurance Berhad**  
**Liberty Insurance Tower,**  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3, Jalan Damanlela,  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur  
Tel. No. : +603 2268 3333 (General Line) or 1 300 88 8990  
Emel : [customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)  
Laman Web : [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula **Mac, 2024**.